

# Kontraktor perlu guna penutup lubang berkualiti

**Kuala Lumpur:** Pihak jurutera awam dan kontraktor disarankan meneliti bahan bersesuaian bagi menghasilkan penutup lubang pembetung berkualiti, termasuk mampu menampung beban berat di kawasan tertentu.

Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Ir Dr Ahmad Jusoh, berkata selain bahan digunakan perlu berkualiti dan mengikut spesifikasi, penutup lubang pembetung juga perlu diletakkan ensel.

“Bagi mengelak kemalangan, penutup lubang pembetung perlu mempunyai spesifikasi keselamatan. Ia kebiasaannya diperbuat daripada besi, namun masalah lain pula akan timbul seperti kes kecurian. Justeru, saya saran ia diletakkan ensel bagi mengukuhkan penutup itu.

“Jika penutup itu bermasalah, maka tanda amaran perlu diletakkan di kawasan sekitarnya supaya orang ramai lebih peka, malah masyarakat sendiri boleh bergotong-royong memeriksa penutup lubang rosak dan membuat

aduan,” katanya ketika dihubungi BH, di sini semalam.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jalina Kassim, percaya reka bentuk penutup lubang pembetungan di negara ini mengikut piawaian antarabangsa dan cukup stabil.

Malah, sebelum reka bentuknya diterima, ia perlu mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Pembetungan terlebih dulu.

Bagaimanapun, beliau khuatir

pihak kontraktor tidak memantau pemasangan penutup lubang berkenaan, sekali gus menjadikan kawasan yang mempunyai lubang pembetungan itu berisiko.

“Saya percaya bahan yang digunakan berkualiti dan mengikut garis panduan termasuk dari segi reka bentuk dan saiz. Namun, mungkin pemasangan penutup lubang tidak mengikut spesifikasi. Kontraktor perlu lebih peka ketika menjalankan kerja kerana ia membabitkan isu keselamatan,” katanya.

Bagi pensyarah Jabatan Keju-

ruteraan Kimia dan Alam Sekitar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Zurina Zainal Abidin, insiden yang berlaku sebelum ini dibabkan beberapa faktor.

“Ada beberapa isu di sini sama ada penutup asal sudah hilang atau mungkin diganti dengan penutup sementara yang tidak lagi selamat. Tindakan wajar oleh penduduk setempat untuk peka dengan keadaan ini. Sekiranya penutup sudah tiada maka ia perlu dilaporkan kepada pihak berwajib untuk ambil tindakan,” katanya.